

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 AUGUST 2016

Dr. M sewajarnya bimbing bukan campur tangan

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sewajarnya mengambil pendekatan membimbing kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak tanpa mencampuri sebarang urusan berkaitan pentadbiran negara.

Penganalisis politik, Dr. Mazlan Ali berkata, jika sikap tersebut dipamerkan, rakyat secara keseluruhan sama ada memihak kepada kerajaan atau tidak akan lebih menghargai serta menyangai beliau.

Katanya, pendekatan sedemikian pernah diamalkan oleh bekas Perdana Menteri pertama Singapura, mendiang Lee Kuan Yew yang langsung tidak mencampuri urusan negara selepas melepaskan jawatan.

“Dalam definisi sains politik, gaya kepimpinan Dr. Mahathir di-

gelar sebagai ‘expendables’ iaitu tidak boleh melihat pemimpin pengganti tidak setanding dengan dirinya.

“Sikap seperti ini tidak boleh diamalkan kerana dunia berubah dan pendekatan yang diambil seseorang pemimpin untuk menyelesaikan sesuatu masalah adalah berbeza. Sewajarnya beliau yang pernah menerajui kerajaan selama 22 tahun memberi bimbingan yang berguna kepada Perdana Menteri dan bukannya memberi arahan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Najib dalam temu bual eksklusif bersama portal berita Indonesia, *Metro TV News.com*, baru-baru ini berkata, Dr. Mahathir obses mengenai kawalan dan mahu menentukan dasar kerajaan walaupun tidak lagi menjadi Per-

dana Menteri.

Sementara itu, Pensyarah Sains Politik, Universiti Utara Malaysia (UUM), Faisal Keling berkata, Dr. Mahathir seharusnya menghormati Najib yang merupakan ketua kerajaan sebagai mana penghormatan yang pernah beliau terima ketika memegang jawatan itu dahulu.

Ujarnya, gaya kepimpinan seseorang pemimpin adalah berbeza dan sudah menjadi tanggungjawab semua pihak supaya memberi sokongan penuh agar setiap yang dirancang mencapai kejayaan.

“Beri Najib peluang, untuk mentadbir negara ini mengikut acuan beliau, hormati setiap keputusan yang dibuat kerana semuanya mengambil kira kebaikan yang bakal dimiliki oleh rakyat,” katanya.

um - 11/8/2016